

Semasa dalam perjalanan pulang dari sekolah, MRT yang kamu naiki berhenti dengan tiba-tiba. Asap tebal kelihatan keluar dari bahagian enjinnya di bawah gerabak. Gambarkan suasana yang mencemaskan itu sehingga kamu dan penumpang lain diselamatkan.

Situasi di tempat yang terkurung itu menjadi huru-hara. Asap yang tebal menghalangi penafasan orang ramai. Rasa kluatir dan panik boleh dilihat pada wajah orang-orang di tempat itu. Berdekatan dengan pintu keluar tempat itu, seorang wanita jatuh pengsan. Anak kecilnya pula menangis sekuat-kuat hatinya. Melihat kejadian itu, seorang pelajar perempuan segera menghampiri wanita itu dan memberikannya bantuan pernafasan melalui CPR. Orang-orang yang mengelilingi mereka hanya melihat pelajar itu melakukan CPR.

Pelajar perempuan itu adalah aku. Sebenarnya, aku sedang dalam perjalanan pulang ke rumah apabila kejadian itu berlaku. Aku menaiki MRT setiap hari untuk berulang-alik ke sekolah. Namun, pada hari itu nasib aku memang malang. Aku harus pulang cepat kerana kakakku sedang mengandung dan aku perlu bergegas ke hospital. Secara tiba-tiba tren MRT yang aku naiki itu berhenti dan asap mula keluar dari bawah gerabak tren. Pada awalnya, aku memang panik. Mujur pemandu tren mengumumkan melalui sistem pengumuman awam yang sebenarnya tren rosak dan kami harus menunggu kedatangan pasukan keselamatan. Hampir setengah jam menunggu, seorang wanita di hadapanku jatuh pengsan. Aku bertindak cepat dan cuba untuk melakukan CPR. Sebagai ahli pasukan palang merah, aku rasa yang aku bertanggungjawab untuk membantunya. Aku gembira apabila dia berjaya kembali sedar setelah dibantu.

Pengalaman itu memang menakutkan. Itulah kali pertama aku terperangkap dalam tren MRT kerana tren rosak. Aku rasa yang ramai orang di tempat itu juga berasa ketakutan juga. Namun, dalam masa-masa kecemasan seperti itu, kita haruslah jangan panik dan tidak

berputus asa . Aku juga merasa bangga kerana pada waktu kecemasan itu aku dapat membantu seorang wanita. Aku sedar bahawa adalah penting untuk kita berfikir dengan cepat, terutama sekali dalam situasi yang mencemaskan. Nyawa seseorang mungkin bergantung pada tindakan cepat kita.

Setelah 45 minit berlalu, kami akhirnya diselamatkan oleh pasukan keselamatan dan juga paramedik. Beberapa orang dihantar ke hospital kerana menghadapi kesesakan bernafas. Wanita yang aku bantu juga dihantar ke hospital. Dia mengucapkan terima kasih kepadaku sebelum dia dibawa pergi. Anak kecilnya pula sempat mendakapku. Walaupun pengalaman itu tidak menyenangkan, aku bersyukur kerana tidak ada sesiapa pun tercedera dan situasi di dalam tren itu tidak menjadi semakin getir. Seminggu selepas kejadian itu, aku menerima anugerah penghargaan daripada sekolahku kerana menyelamatkan wanita di tren MRT itu. Sebenarnya, wanita itu mengenali seragam sekolahku dan memaklumkan insiden itu kepada pengetua sekolahku. Aku juga menerima kad yang ditulis oleh anak kecilnya, Fandi. Aku sangat terharu.

Kini sudah enam tahun berlalu sejak kejadian itu. Pengalaman yang aku lalui menjadikan aku lebih tahu tentang bagaimana mengendalikan diri bila berdepan dengan situasi cemas. Aku sekarang membuat kerja sekarelawan dalam masa lapangku. Pengalamanku semasa di dalam Pasukan Palang Merah dan juga ketika insiden dalam tren MRT itu memberikan aku lebih keyakinan untuk menyelamatkan dan membantu orang. Akhir tahun ini, aku akan mendapat keputusan dari sebuah universiti tempatan akan permohonanku untuk belajar di sana. Aku mahu menjadi seorang paramedik di masa hadapan. Aku harap aku dapat membantu orang ramai. Tidak aku sangka pengalamanku dalam tren MRT itu telah mengubah arah hidupku.